# Penjawat awam perlu akur langkah wajibkan vaksin: Cuepacs

MOHAMMAD KHAIRIL ASHRAF MOHD KHALID | | 30 September 2021



Adnan Mat

SHAH ALAM - Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) menyokong sepenuhnya langkah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mewajibkan semua pegawai perkhidmatan awam di peringkat Persekutuan mengambil suntikan vaksin Covid-19.

Presidennya, Adnan Mat berkata, langkah ini selari dengan aspirasi keseluruhan warga perkhidmatan awam yang menyaksikan hampir 98 peratus telah mendapatkan suntikan vaksin.

"Hanya segelintir daripada penjawat awam ini yang masih belum divaksin.

"Sehubungan itu, Cuepacs meminta semua penjawat awam akur dengan langkah kerajaan ini kerana ia bertujuan memulihkan kembali negara yang terkesan dari sudut ekonomi dan sosial," katanya menerusi kenyataan pada Khamis.

Ad Preferences

This Ad Unit shows popular or related topics. Clicking on any of these will show you a list of sponsored results from advertisers.

Hide Ads Privacy Policy

JPA sebelum ini meminta semua pegawai perkhidmatan awam Persekutuan diwajibkan mengambil vaksin Covid-19.

JPA memaklumkan, langkah itu bagi memberikan keyakinan dan memastikan kelancaran penyampaian perkhidmatan awam kepada rakyat.

Menurut JPA, semua pegawai perkhidmatan awam Persekutuan dikehendaki untuk segera melengkapkan vaksinasi mereka sebelum 1 November ini.

Mengulas lanjut, Adnan menambah, tempoh masa sehingga 1 November juga adalah munasabah untuk mereka melengkapkan vaksinasi melalui Pusat Pemberian Vaksin (PPV) yang telah dibuka kerajaan.